

(<https://news.usm.my>)

Berita Mutakhir

# 23

SEP

## FUN RUN KEMUNCAK SAMBUTAN JUBLI PERAK PPP

DSC5808fgn

PULAU PINANG, 23 September 2015 - Program Larian Ria Universiti Sains Malaysia (USM) atau USM Fun Run 2015 yang akan diadakan pada 10 Oktober 2015 nanti adalah program kemuncak sambutan 25 tahun Pusat Pengajian Pengurusan (PPP).

"Larian ini terbuka kepada semua pelajar dan staf USM serta masyarakat umum dengan bayaran serendah RM20 untuk pelajar dan RM30 untuk staf dan orang awam," kata Naib Canselor USM, Profesor Dato' Dr. Omar Osman dalam sidang media hari ini.

"Selain mendapat sijil penyertaan dan mengamalkan gaya hidup sihat, para peserta juga berpeluang untuk melihat lebih dekat kawasan sekitar USM yang juga dikenali sebagai Universiti dalam Taman sejauh 5.5 kilometer," tambah Omar.

"Yuran penyertaan tersebut kemudian akan disumbangkan kepada Yayasan USM yang akan digunakan untuk membantu pelajar yang kurang berkemampuan selari dengan tema sambutan Jubli Perak iaitu 'Humanising Sustainable Excellence'.

Pelbagai aktiviti menarik akan diadakan sempena larian tersebut termasuk demonstrasi layang-layang, mencanting batik, permainan tradisional dan program kesedaran Tabung Haji.

Warga USM dan masyarakat umum yang ingin menyertai larian tersebut boleh melayari laman sesawang PPP di [www.som.usm.my](http://www.som.usm.my) (<http://www.som.usm.my/>) atau hubungi Zainuddin di talian 017-5859011 dan Naz 013-5892256.

Teks: Nor Rafizah Md. Zain



**Pusat Media dan Perhubungan Awam / Media and Public Relations Centre**

Level 1, Building E42, Chancellory II, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang Malaysia

Tel : +604-653 3888 | Fax : +604-658 9666 | Email : [pro@usm.my](mailto:pro@usm.my) (<mailto:pro@usm.my>)

Laman Web Rasmi / Official Website : [Universiti Sains Malaysia \(http://www.usm.my\)](http://www.usm.my)

[Client Feedback / Comments \(http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp\)](http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp) | USM News Portal. Hakcipta Terpelihara USM 2015